

## cyBerita: Lelaman Internet Berita Harian Singapura.

---

### Singapura

## **Kelab Mendaki mahu kembangkan program pemilihan kerjaya pelajar**

By Shamsul Jangarodin

KELAB Mendaki (MClub) bercadang untuk mengembangkan program pemilihan kerjaya yang dikendalikannya dengan menyertakan lebih banyak maklumat mengenai pelbagai kerjaya yang boleh diceburi pelajar.

Ini dilakukan selepas pelajar posmenengah memberi sambutan menggalakkan terhadap program Career Prerogatives itu setelah mereka mendengar pelbagai cerita daripada golongan karyawan yang berkongsi pengalaman.

Antara lain, pelajar berpeluang mendengar daripada golongan tersebut tentang maklumat kerjaya dalam industri perubatan, undang-undang, kesenian, perbankan dan kewangan.

MClub juga sedang meninjau lebih banyak peluang kerjasama dengan sekolah-sekolah bagi menganjurkan sesi seminar dan dialog demi meningkatkan kesedaran mereka tentang ehwal semasa.

Presiden MClub, Encik Aaron Shahril Yusoff Maniam, berkata program Career Prerogatives diterima baik kerana ia memberi peluang kepada peserta melakarkan haluan kerjaya masing-masing.

'Pelajar juga mendapati bengkel 'CarpeDiem' kami - yang mengajar tentang penulisan curriculum vitae (CV), kemahiran temu duga, membina rangkaian dan pendidikan luar negara - amat berguna. Mereka dapat meraih kemahiran praktikal yang dapat membantu mempersiapkan diri bagi peringkat seterusnya dalam haluan akademik masing-masing,' kata Encik Aaron, 31 tahun.

Kedua-dua program itu merupakan sebahagian daripada Program Pembangunan Bakat (TDP) MClub, yang dimulakan pada 2005.

Selain itu, MClub turut menganjurkan pelbagai program lain yang bertujuan membangunkan pelbagai aspek kemajuan pelajar.

'Oleh itu, pelajar sering mendapati amat berguna menghadiri lebih daripada satu program atau kegiatan TDP,' tambah Encik Aaron.

Tahun ini, Hari TDP 2010 bakal diadakan di Sekolah Perniagaan Lee Kong Chian, Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Sabtu ini.

Bertajuk Explore Your World After 'A' (Jelajah Dunia Anda Setelah 'A'), program yang dibuka kepada pelajar maktab rendah, madrasah dan politeknik itu bakal dimuatkan dengan seminar, bengkel dan bimbingan kerjaya yang mampu membantu golongan pelajar posmenengah mengenali kecenderungan kerjaya masing-masing.

Barisan panel yang bakal berkongsi pengalaman industri mereka ialah Cik Azyanti Mohamed Mudakir (Pendidikan), Cik Siti Nurhanna Riduan (Penyelidikan Saintifik), Encik Sujimy Mohamad (Penyiaran dan Media), Dr Muhd Farhan Mohd Fadil (Perubatan), Encik Mohamad Rizal Yacob (Kejuruteraan), Ustaz Nazirudin Mohd Nasir (Sektor Agama), Encik Muhamad Imaduddien (Undang-Undang), Cik Dahlia Mohd (Perniagaan dan Kewangan) dan Encik Noor Hashim (Teknologi Maklumat).

Sejauh ini, hampir 70 individu telah mendaftarkan diri dan pendaftaran masih lagi dibuka.

Bagi sesiapa yang berminat, mereka boleh mendaftarkan diri di laman [www.mendakiclub.org.sg/tdpday](http://www.mendakiclub.org.sg/tdpday) atau menghantar e-mel kepada Cik Aishah di [aishah@mendaki.org.sg](mailto:aishah@mendaki.org.sg) bersama nama penuh, sekolah, alamat e-mel dan nombor telefon.

Tiada bayaran dikenakan bagi menyertai program ini.